

Headline	Iskandar Malaysia uji sistem ART		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	38	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	347 cm ²
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 11,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,603



Sistem Transit Rapid Automated menjalani ujian perintis di Iskandar Malaysia.

Iskandar Malaysia uji sistem ART

Bandar pertama di Asia Tenggara rintis program dibawa Mobilus

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Iskandar Malaysia muncul bandar pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menguji sistem Rapid Transit Automatik (ART) menerusi program ujian perintis bas.

Sistem yang dijangka dilancarkan pada suku pertama tahun ini dibawa masuk oleh Mobilus Sdn Bhd (Mobilus).

Mobilus adalah syarikat usaha sama 51:49 antara Ireka Corporation Bhd dan CRRC Urban Traffic Co Ltd dalam usaha merebut peluang perniagaan pengangkutan bandar di Malaysia dan Asia Tenggara.

Pengarah Urusan Kumpulan Ireka, Datuk Lai Voon Hon, berkata kehadiran ART menjadi langkah penting ke arah pernia-

gaan pengangkutan bandar kumpulan itu untuk tahun mendatang.

Katanya, perancangan untuk Program Ujian Perintis ART di Iskandar Malaysia yang turut mempamerkan tujuh pengeluaran bas yang lain, sedang dijalankan selepas ditangguhkan susulan pandemik COVID-19 tahun lalu.

“Kami berharap projek ini dapat dilaksanakan seawal 2021.

“Ini akan menjadi satu daripada ujian laluan untuk projek Transit Rapid Bas Iskandar Malaysia (IMBRT) yang lebih besar, sistem transit yang komprehensif untuk Iskandar Malaysia meliputi rangkaian lebih 2,000 kilometer untuk Fasa 1,” katanya dalam satu kenyataan.

ART ialah sistem transit pengangkutan penumpang bandar menggunakan teknologi canggih dan membenarkan kapasiti penumpang lebih tinggi pada kos pelaksanaan lebih rendah.

Ini berbanding sistem transit aliran ringan tradisional, selain turut dikendalikan menggunakan sumber tenaga bersih seperti elektrik atau hidrogen.

Bas yang mempunyai lebih sa-

tu tingkat itu dilengkapi sensor yang boleh membaca trek secara maya di jalan raya, sekali gus membolehkannya mengemudi laluan sendiri secara automatik.

Ia juga mampu bergerak sehingga 70 kilometer sejam dan membawa lebih 300 penumpang dengan tiga gerabak.

Kapasiti kenderaan itu boleh dikembangkan sehingga 500 penumpang dengan lima gerabak.

Mengulas lanjut Voon Hon berkata, pelaksanaan projek perintis ART itu akan menjadi batu loncatan ke arah menambah baik pengangkutan awam di Iskandar Malaysia dan seterusnya mempromosikan pembangunan pesat di wilayah berkenaan.

Mobilus memeterai Perjanjian Pembelian dengan CRRC MRT Urban Traffic Co pada Disember 2019 bagi mendapatkan unit pertama ART bagi projek perintis.

CRRC Urban Traffic ialah ahli kepada CRRC Group yang berpangkalan di China. Sistem ART kini sedang dilaksanakan dengan pesat di beberapa bandar seluruh China, dengan terkini di Bandar Yibin yang terletak di wilayah Sichuan.